

## **GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL JURNAL FILOLOGI MELAYU PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)**

---

### **1. OBJEKTIF**

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan tatacara penulisan artikel untuk dimuatkan dalam Jurnal Filologi Melayu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terbitan Perpustakaan Negara Malaysia.

### **2. PENGENALAN**

Jurnal Filologi Melayu diterbitkan sekali setahun dan bertujuan untuk memenuhi keperluan intelektual Melayu dan menggalakkan pertukaran pendapat serta pengalaman mengenai filologi Melayu dan manuskrip.

### **3. SYARAT PENERIMAAN**

- Artikel yang ditulis perlulah karya asli yang belum pernah diterbitkan dalam apa jua penerbitan jurnal, prosiding atau dalam negara mahupun di luar negara.
- Artikel perlu dihantar dalam bentuk *softcopy* dalam format *Microsoft Word* seperti dinyatakan dalam Perkara 4 dan 11.

### **4. PEWASITAN**

Semua artikel yang diterima akan diwasit oleh ahli Jawatankuasa Mesyuarat Jurnal Filologi Melayu dan editor bersekutu yang dilantik. Keputusan penerbitan artikel adalah bergantung kepada penilaian yang dibuat oleh ahli jawatankuasa dan editor bersekutu tersebut. Artikel-artikel yang berjaya diterbitkan akan dimaklumkan kepada para penulis yang berkenaan.

## 5. FORMAT PENULISAN

- Artikel boleh ditulis sama ada dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris.
- Panjang artikel adalah di antara 4000-7000 patah perkataan.
- Artikel hendaklah ditulis berpandukan format berikut:

(a) Program	: <i>Microsoft Word</i>
(b) Jenis <i>font</i> (Rumi)	: <i>Times New Roman</i>
(c) Jenis <i>font</i> (Arab)	: <i>Traditional Arabic</i>
(d) Saiz <i>font</i> (Rumi)	: 11
(e) Saiz <i>font</i> (Arab)	: 16
(f) Saiz <i>font</i> nota kaki	: 9
(g) Jarak baris teks	: Dua baris ( <i>Double</i> )
(h) Jarak baris nota kaki	: Satu baris ( <i>Single</i> )

## 6. JUDUL ARTIKEL

Judul hendaklah ringkas, lengkap dan jelas. Nama penuh penulis-penulis artikel diletakkan di bawah tajuk berserta nama Jabatan/Organisasi yang diwakili seperti berikut:

- (a) Tajuk artikel: Saiz 12, *bold & uppercase, centred*
- (b) Nama (Tanpa gelaran atau pangkat): Saiz 12, *bold & centred*
- (c) Nama Jabatan/Organisasi: Saiz 12, *centered*
- (d) E-mel bagi nama perseorangan.

## 7. ABSTRAK

Setiap artikel harus disertakan dengan sebuah abstrak/ringkasan artikel antara 100-500 patah perkataan dengan format *italic*, bersaiz 11 dan *justified*.

## **8. KATA KUNCI**

Penulis perlu memberikan lima (5) hingga sepuluh (10) kata kunci dan diletakkan di bawah abstrak.

## **9. KANDUNGAN ARTIKEL**

- Tajuk artikel perlu ditulis menggunakan format *bold*, bersaiz 12 dan *centered*. Manakala kandungan artikel pula ditulis menggunakan format normal, bersaiz 12 dan *justified*.
- Jadual atau gambar rajah hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1, Jadual 2 atau Rajah 1, Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk jadual perlu diletakkan di bahagian atas jadual, manakala tajuk rajah pula perlu diletakkan di bahagian bawah rajah.

## **10. NOTA KAKI**

Pernomboran nota kaki hendaklah menggunakan angka superskrip<sup>1</sup>, pada tempat yang berkenaan pada sesuatu halaman dalam teks.

## **11. RUJUKAN**

Semua rujukan yang dinyatakan dalam artikel mestilah disenaraikan. Gaya penulisan rujukan adalah mengikut format *American Psychological Association (APA) Citation Style 6th edition* dan perlu disusun mengikut susunan abjad. Rujukan pula ditulis menggunakan format normal, bersaiz 12 dan *justified*.

## 12. LAMPIRAN

Contoh soal selidik, nota teknikal, peta, gambar, rajah, ilustrasi, daftar dan semua keterangan yang lain yang penting harus dinyatakan dalam Lampiran. Setiap lampiran itu harus diberikan judul yang boleh dirujuk dalam teks.

## 13. HAK CIPTA

Semua artikel yang diterbitkan dalam Jurnal Filologi Melayu adalah menjadi hak milik mutlak Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan PNM berhak menerbitkan semula artikel ini dalam pelbagai bentuk dan tujuan.

## 14. SALINAN JURNAL

Setiap penulis akan menerima lima (5) salinan Jurnal Filologi Melayu secara percuma setelah diterbitkan. Jurnal akan dihantar terus dari Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, PNM.

## 15. PENGHANTARAN ARTIKEL

Artikel hendaklah dihantar mengikut format seperti yang telah dinyatakan dalam bentuk *softcopy* ke e-mel [aliahanim@pnm.gov.my](mailto:aliahanim@pnm.gov.my) atau [mazlinda@pnm.gov.my](mailto:mazlinda@pnm.gov.my)

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

Timbalan Pengarah Kanan  
Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu  
Aras 11, Menara PNM  
Perpustakaan Negara Malaysia  
232 Jalan Tun Razak  
50572 Kuala Lumpur  
**MALAYSIA**  
Tel : 03-2687 1756/1755/1757